



اَوْبُوْ سَيِّدِيْ تَيَكُوْلُوْ كِيْ مَبَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

GARIS PANDUAN

GERAN PENYELIDIKAN MITRA PERDANA (PINDAAN TAHUN 2017)

Institut Pengurusan Penyelidikan & Inovasi (IRMI)

Universiti Teknologi MARA
Aras 3, Bangunan Wawasan
40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia
Tel : (+603) 5544 8281/8278/8255
Faks : (+603) 5544 8280



Institute of Research Management
& Innovation

Communities of Research



SENARAI KANDUNGAN

KANDUGAN	Muka surat
Visi Dan Misi Universiti Teknologi MARA	3
Geran Penyelidikan MITRA Perdana	
1.0 Pengenalan	4
2.0 Kluster Penyelidikan	4/6
3.0 Jumlah Peruntukan & Jangka Masa Projek	6
4.0 Syarat-Syarat Permohonan	7
5.0 Peraturan Kewangan	7/8
6.0 Peraturan Permohonan	8
7.0 Penilaian Geran	8
8.0 Etika Dan Kerahsiaan	9
9.0 Pemantauan Penyelidikan	9
10.0 Hasil Pencapaian Penyelidikan	9

VISI DAN MISI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

VISI

Menjadikan UiTM sebuah universiti unggul yang berteraskan keserjanaan dan kecemerlangan akademik bagi menerajui dinamisme bumiputera dalam semua bidang profesional bertaraf dunia supaya terlahir graduan yang berdaya saing, global dan beretika.

MISI

Mempertingkatkan keilmuan dan kepakaran bumiputera dalam semua bidang menerusi penyampaian program profesional, penyelidikan serta penglibatan khidmat masyarakat yang berlandaskan kepada nilai-nilai murni dan etika keprofesionalan.

GARIS PANDUAN GERAN PENYELIDIKAN DALAMAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

GERAN PENYELIDIKAN MULTI-, INTER- DAN TRANSDISIPLIN (MITRA) PERDANA

1.0 PENGENALAN

- 1.1 Geran Penyelidikan MITRA Perdana diwujudkan untuk menggalakkan penyelidikan berciri multi-, inter- dan transdisiplinari (MITRA) yang dapat membantu percambahan penjana ilmu dan seterusnya menyumbang kepada peningkatan tahap intelektual, perkembangan sempadan ilmu, penciptaan teknologi baru dan penyuburan budaya penyelidikan yang dinamik selaras dengan aspirasi negara.
- 1.2 Geran ini juga diharapkan akan membina kerjasama keserakan merentasi pelbagai kluster penyelidikan dan bersifat MITRA, bagi meletakkan UiTM setaraf dengan universiti penyelidikan lain. Penyelidikan ini diharap dapat menjadi pemangkin kepada penemuan baharu yang menerobos sempadan ilmu dan penciptaan inovatif di peringkat nasional dan antarabangsa.

2.0 KLUSTER PENYELIDIKAN

- 2.1 Program ini merangkumi **tiga (3)** projek dan **MESTI** di bawah tiga (3) kluster yang berbeza (sila rujuk Item 2.2 di bawah).
- 2.2 Pembiayaan geran MITRA meliputi kluster asas yang dapat menyokong agenda strategik negara. Subkluster yang merentasi disiplin penyelidikan di bawah kluster yang dikenalpasti adalah seperti berikut:-

2.2.1 **Kluster 1: Sains Tulen dan Gunaan (*Pure and Applied Sciences*)**

- (i) Kimia (*Chemistry*)
- (ii) Fizik (*Physic*)
- (iii) Biologi (*Biology*)
- (iv) Biokimia (*Biochemistry*)
- (v) Bioteknologi (*Biotechnology*)
- (vi) Sains Bahan (*Materials Science*)
- (vii) Matematik dan Statistik (*Mathematics and Statistics*)
- (viii) Geologi (*Geology*)
- (ix) Geosains (*Geoscience*)

2.2.2 **Kluster 2: Teknologi dan Kejuruteraan (*Technology and Engineering*)**

- (i) Kejuruteraan (*Engineering*):
 - a. Mekanikal dan Pembuatan (*Mechanical & Manufacturing*)
 - b. Kimia dan Proses (*Chemical and Processing*)

- c. Elektrikal dan Elektronik (*Electrical and Electronic*)
- d. Awam dan Struktur (*Civil and Structural*)
- e. Bahan dan Polimer (*Material and Polymer*)
- f. Aeroangkasa (*Aerospace*)

- (ii) Teknologi (*Technology*):
 - a. Tenaga (*Energy*)
 - b. Teknologi Hijau (*Green Technology*)
 - c. Pembinaan dan Bahan Binaan (*Construction and Construction Materials*)
 - d. Infrastruktur dan Pengangkutan (*Infrastructure and Transportation*)

2.2.3 **Kluster 3: Sains Kesihatan dan Klinikal (*Clinical and Health Sciences*)**

- (i) Sains Perubatan Asas (*Basic Medical Sciences*)
- (ii) Kajian Klinikal (*Clinical Studies*)
- (iii) Perubatan (*Medicine*)
- (iv) Pembedahan (*Surgery*)
- (v) Onkologi (*Oncology*)
- (vi) Perubatan Masyarakat (*Community Medicine*)
- (vii) Perubatan Pencegahan (*Preventive Medicine*)
- (viii) Sains Kesihatan (*Health Science*)
- (ix) Pergigian (*Dental*)
- (x) Mikrobiologi Perubatan (*Medical Microbiology*)
- (xi) Kejururawatan (*Nursing*)
- (xii) Parasitologi (*Parasitology*)
- (xiii) Patologi (*Pathology*)
- (xiv) Farmasi (*Pharmacy*)
- (xv) Farmakologi (*Pharmacology*)

2.2.4 **Kluster 4: Sains Sosial (*Social Sciences*)**

- (i) Antropologi (*Anthropology*)
- (ii) Psikologi (*Psychology*)
- (iii) Sosiologi (*Sociology*)
- (iv) Sains Politik (*Political Science*)
- (v) Pengurusan (*Management*)
- (vi) Perniagaan (*Business including Accounting, Finance, Marketing*)
- (vii) Geografi (*Geography*)
- (viii) Ekonomi (*Economics*)
- (ix) Komunikasi (*Communication*)
- (x) Kajian Etnik (*Ethnography*)

2.2.5 **Sastera dan Sastera Ikhtisas (*Arts and Applied Arts*)**

- (i) Bahasa dan Linguistik (*Language and Linguistic*)
- (ii) Kesusasteraan (*Literature*)
- (iii) Agama (*Religion*)
- (iv) Falsafah (*Philosophy*)

- (v) Tamadun (*Civilization*)
- (vi) Sejarah (*History*)
- (vii) Seni (*Art*)
- (viii) Budaya (*Culture*)
- (ix) Pendidikan (*Education*)
- (x) Dasar dan Undang-undang (*Policies and Law*)
- (xi) Alam Bina (*Built Environment*)
- (xii) Alam Sekitar (*Environment*)

2.2.6 Warisan Alam dan Budaya (*Natural and Cultural Heritage*)

- (i) Alam Sekitar (*Environment*)
- (ii) Perhutanan (*Forestry*)
- (iii) Pertanian (*Agriculture*)
- (iv) Marin (*Marine*)
- (v) Arkeology (*Archaeology*)
- (vi) Geosains (*Geoscience*)
- (vii) Kajian Etnik (*Ethnography*)
- (viii) Alam Bina (*Built Environment*)
- (ix) Budaya (*Culture*)
- (x) Kepelbagaian Biologi (*Biodiversity*)
- (xi) Pelancongan (*Tourism*)
- (xii) Kulinari (*Culinary*)
- (xiii) Perubatan alternatif (*Alternative Medicine*)

2.2.7 Teknologi Maklumat dan Komunikasi (*Information and Communication Technology*)

- (i) Perisian (*Software*)
- (ii) Kecerdasan Buatan (*Artificial Intelligence*)
- (iii) Rangkaian Komputer (*Computer Networks*)
- (iv) Sistem Maklumat (*Information System*)
- (v) Teori Pengkomputeran (*Theory of Computation*)
- (vi) Rekabentuk Perkakasan (*Hardware Design*)

2.3 Permohonan yang melibatkan korpus ilmu sains & teknologi dan sains sosial & kemanusiaan akan diberi keutamaan.

3.0 JUMLAH PERUNTUKAN & JANGKA MASA PROJEK

Jumlah siling permohonan bagi keseluruhan program adalah RM100,000.00 untuk tempoh **DUA (2)** tahun.

4.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

4.1 Ketua Program dan Ketua Projek mestilah di kalangan staf akademik tetap / kontrak di UiTM Selangor. Namun begitu penyelidik bersama, terbuka kepada gabungan staf Akademik UiTM dan penyelidik luar.

- 4.2 Ketua Program dan Ketua Projek mestilah aktif dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya enam (6) bulan pada tahun semasa dan berkecualan sekurang-kurangnya PhD atau setara.
- 4.3 Ketua Program hanya dibenarkan menjadi Ketua Projek bagi satu projek sahaja dalam program yang sama.
- 4.4 Ketua Projek tidak dibenarkan untuk menjadi ahli kepada projek lain dalam program yang sama.
- 4.5 Setiap penyelidik hanya boleh menjadi ahli kepada satu projek sahaja di dalam satu program yang sama.
- 4.6 Ketua Program, Ketua Projek dan semua ahli projek di kalangan staf UiTM mestilah menyumbang sekurang-kurangnya RM 10.00 sebulan seorang kepada Dana Kecemerlangan Pendidikan UiTM sepanjang tempoh geran aktif dan bukti sumbangan mesti disertakan semasa permohonan.
- 4.7 Sumbangan kepada Dana Pendidikan UiTM dikecualikan sekiranya telah mempunyai projek perundingan aktif yang berdaftar dengan IRMI.
- 4.8 Staf akademik yang bercuti belajar tidak dibenarkan menjadi Ketua Program/Projek. Walau bagaimanapun, beliau boleh menjadi ahli dalam kumpulan penyelidikan.

5.0 PERATURAN KEWANGAN

- 5.1 Agihan perbelanjaan dan peruntukan geran tertakluk kepada pembahagian bajet sebanyak 60% pada tahun pertama dan baki 40% pada tahun kedua.
- 5.2 Perbelanjaan projek adalah dihadkan bagi vot-vot berikut:

Vot11000	Bayaran untuk Pembantu Penyelidik (RA/GRA)
Vot21000	Perjalanan, penginapan dan pengangkutan
Vot24000	Sewaan
Vot27000	Bekalan dan Bahan Penyelidikan
Vot28000	Baik pulih kecil dan Ubahsuai
Vot29000	Perkhidmatan Ikhtisas
Vot35000	Aksesori dan Peralatan

- 5.3 Bayaran Pembantu Penyelidik Pascasiswazah (GRA) tidak melebihi RM 1,500 sebulan bagi pelajar sarjana dan RM 1,800 sebulan bagi pelajar kedoktoran. Ketua Penyelidik diwajibkan untuk membelanjakan peruntukan Vot11000 untuk pembayaran pembantu penyelidik.
- 5.4 Pembantu penyelidik yang menerima biasiswa penuh (termasuk elaun sara hidup) adalah tidak layak untuk dilantik di bawah skim ini.

- 5.5 Permohonan pembantu penyelidik (RA) perlu dibuat melalui atas talian negara iRMIs (<http://orchid.uitm.edu.my/irmis>).
- 5.6 Perjalanan ke luar negara perlu mendapat kelulusan IRMI tertakluk kepada peruntukan geran yang telah dipohon. Pembantu penyelidik hanya dibenarkan untuk mengikuti persidangan, seminar atau bengkel yang berkaitan dengan penyelidikan di dalam negara sahaja. Perjalanan ke luar negara mestilah juga mengikut peraturan UiTM.
- 5.7 Hanya Ketua Program/Projek dan ahli sahaja yang dibenarkan bagi perjalanan ke luar negara berdasarkan negara berikut:
- i) Perjalanan ke luar negara yang dibenarkan (sekali sahaja) adalah bagi tujuan menghadiri persidangan/seminar/bengkel/kolokium untuk membentangkan hasil penyelidikan sahaja.
 - ii) Destinasi perjalanan tersebut mestilah merupakan tempat yang paling sesuai dan ekonomikal dari segi kemudahan, kepakaran dan pemindahan teknologi.

6.0 PERATURAN PERMOHONAN

- 6.1 Permohonan Geran MITRA Perdana perlu menggunakan Borang Permohonan Geran Penyelidikan MITRA Perdana yang boleh dimuat turun di laman web IRMI.
- 6.2 Bagi projek penyelidikan yang dibiayai oleh Geran MITRA Perdana dan sumber lain, penyelidik mestilah mengisytiharkan semua pembiayaan yang diperolehi bagi projek tersebut.

7.0 PENILAIAN GERAN

- 7.1 Permohonan Geran MITRA Perdana akan dinilai oleh panel penilai yang dilantik oleh Institut Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (IRMI).
- 7.2 Surat kelulusan akan dikeluarkan oleh IRMI kepada Ketua Program dan salinan kepada Ketua Projek dan ahli-ahli serta kepada Ketua Jabatan.
- 7.3 Ketua Program dan Ketua Projek perlu menandatangani borang penerimaan yang telah dilengkapi sebelum memulakan penyelidikan.

8.0 ETIKA DAN KERAHSIAAN

- 8.1 Semua penyelidik mestilah mematuhi etika penyelidikan dan kerahsiaan data.

9.0 PEMANTAUAN PENYELIDIKAN

- 9.1 Semua geran penyelidikan yang telah diluluskan akan dipantau oleh Institut Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (IRMI).
- 9.2 Ketua Program mesti menghantar laporan kemajuan pada setiap enam (6) bulan secara atas talian di dalam sistem iRMIs dan menyertakan bukti sumbangan Dana Kecemerlangan Pendidikan UiTM sepanjang tempoh geran aktif.
- 9.3 Peruntukan tahun kedua hanya akan diberikan setelah menghasilkan sekurang-kurangnya satu (1) penerbitan berindeks dan membelanjakan sekurang-kurangnya 70% jumlah peruntukan tahun pertama.
- 9.4 Kegagalan memenuhi perkara 9.2 dan 9.3 di atas boleh menyebabkan geran penyelidikan ditamatkan serta merta.
- 9.5 Pihak IRMI akan menghantar surat pengesahan tamat penyelidikan selepas sahaja menerima laporan akhir daripada Ketua Program.
- 9.6 Semua perkara di atas adalah tertakluk kepada Garis Panduan Pengurusan Penyelidikan Institut Pengurusan Penyelidikan Dan Inovasi (IRMI).

10.0 HASIL PENCAPAIAN PENYELIDIKAN

- 10.1 Setiap program yang dipohon diharap dapat melahirkan bakat dalam penyelidikan seperti mana yang termaktub dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia – Pendidikan Tinggi (PPPMPPT).
- 10.2 Penyelidik mesti menerbitkan sekurang-kurangnya enam (6) penerbitan berindeks di SCOPUS / WOS / ERA.
- 10.3 Penghargaan kepada Geran MITRA Perdana mestilah dinyatakan dengan jelas dalam setiap penerbitan.